

## Minda Pengarang

# Elak alam sekitar terus 'menangis'

**Selepas** pencemaran sungai, kini isu korek pasir dan tambak laut pula dibangkitkan. Ibarat tidak berkesudahan, soal kemusnahan alam sekitar akibat kerakusan tangan manusia terus-menerus mengundang kebimbangan.

Sudah sampai masa untuk kita semua bertegas dengan mereka yang sewenang-wenangnya memperlekehkan alam sekitar. Tidakkah mereka sedar bencana demi bencana yang semakin hampir menjenguk kita sebenarnya 'petanda' bahawa alam sedang menangis? Siapa harus dipersalahkan?

Bercakap soal impak, kita setuju cadangan agar kerajaan negeri bertanggungjawab terhadap kesan kemusnahan alam sekitar berikutan kegiatan korek pasir dan tambak laut yang diluluskan. Namun, bukankah lebih elok jika risiko kemusnahan itu disekat lebih awal, berbanding biar ia berlaku sebelum kerja pemulihan dilakukan. Perlu diingat kemusnahan alam tidak boleh diganti semudah mengeluarkan wang ringgit.

Bagi kerajaan negeri, jangan mudah luluskan permit tanpa ada bukti kukuh bahawa aktiviti itu tidak sesekali menjejaskan alam sekitar. Bidang kuasa pemantauan juga tidak boleh dipandang remeh. Elok jika tugas ini dipikul hanya satu jawatankuasa khusus, bukannya beberapa jabatan berasingan mengikut bidang kuasa masing-masing.

Jika ini tidak dipantau mungkin juga hari ini kita hanya lihat alam menangis, namun tidak mustahil esok atau lusa kita pula yang turut serta menangis.